

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	13 JULY 2017

Tun M perlu berhenti serang Pas

Sinar Harian - 13/7/2017 pg. 47

Belajar jadi
pemimpin
pembangkang

MOHD ISKANDAR OTHMAN

PERMATANG PAUH - Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad tidak layak menjadi pemimpin reformis kerana banyak terpalit dengan kontroversi dan pelbagai isu besar selama ini.

Naib Presiden Pas, Idris Ahmad berkata, Tun Mahathir juga perlu belajar menjadi pemimpin pembangkang dan bukannya terus menyerang Pas yang juga berada di dalam blok pembangkang pada masa kini.

Menurutnya, bekas perdana menteri itu baru pertama kali menjadi pembangkang untuk melawan BN sebaliknya Pas sudah 13 kali berhadapan dengan parti itu da-



Idris ketika melancarkan jentera Pas Permatang Pauh, semalam.

lam pilihan raya sebelum ini.

"Beliau (Tun Mahathir) perlu berhenti menuduh kami makan dedak Umno dan BN sebaliknya dia perlu sedar selama 22 tahun beliau sendiri yang makan dedak dengan menjadi perdana menteri serta menerajui Umno dan BN.

"Hampir keseluruhan kepimpinan Pas tidak ada kaitan langsung

dengan Umno dan BN jadi jangan tuduh kami dengan fitnah yang bukan-bukan, cari hujah lain," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran jentera Pas Permatang Pauh di sini semalam.

Hadir sama, Pesuruhjaya Pas Pulau Pinang, Mohd Fauzi Yusof; Timbalan Pesuruhjaya Pas negeri, Amir Hamzah dan Yang Dipertua

Pas Permatang Pauh, Omar Hasan.

Idris berkata, tuduhan yang mengaitkan Pas menerima dana RM90 juta daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sudah menjejaskan sokongan orang bukan Melayu terutamanya kaum Cina kepada Pas.

Sementara itu, mengulas barisan kepimpinan baharu Pakatan

Harapan yang diumumkan baru-baru ini, Idris berkata, ia tidak menjadi ancaman kepada Pas mahupun perjuangan parti berkenaan.

"Selama ini pun Pas berhadapan dengan BN dan gabungan pembangkang ini tak jauh beza dengan kami yang masih di blok pembangkang.

"Malah, komposisi kepimpinan mereka bukanlah suatu faktor besar kepada parti," katanya.

Dalam perkembangan lain Idris berkata, Pas akan bertanding hampir 140 kerusi di Parlimen pada PRU14 berbanding 50 kerusi yang disasarkan Pakatan Harapan.

"Jumlah ini membuktikan tuduhan pakatan pembangkang bahawa Pas memberi laluan kepada BN pada PRU14 adalah tak tepat sama sekali.

"Berbeza pula dengan mereka, 50 kerusi disasarkan pakatan pembangkang itu berkemungkinan akan didominasi DAP khususnya di kawasan pengundi bukan Melayu," katanya.